



Lembaga Arkitek Malaysia
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur

Tel : 03-26982878/03-26107087 | Fax : 03-26936881 | E-mel : info@lam.gov.my | Web : www.lam.gov.my



PEKELILING AM MAPS BIL.1/2018

Jumlah Minimum Enrolmen bagi Melayakkan AEP Memohon Lawatan Akreditasi

1. Pekeliling ini menerangkan keperluan jumlah minimum enrolmen sesebuah Penyedia Pendidikan Senibina (*Architectural Education Provider* atau 'AEP') mesti patuhi untuk melayakkannya menerima Lawatan Akreditasi. Kegagalan dalam mematuhi keperluan ini bermaksud pihak AEP tidak langsung layak untuk memohon Akreditasi.
2. Subseksyen 4.4 dalam *The Manual of Accreditation for Architecture Programme* (2013) atau 'MAAP' menjelaskan, "AEP perlu menyediakan **paparan pameran yang sewajarnya dalam ruang yang kondusif bertujuan memudahcarakan penilaian yang efektif ke atas hasil kerja pelajar.**"
3. Pernyataan "AEP perlu menyediakan paparan pameran yang sewajarnya dalam ruang yang kondusif bertujuan memudahcarakan penilaian yang efektif ke atas hasil kerja pelajar" menandakan bahawa AEP perlu memberikan usaha terbaik dalam membantu Panel Lawatan mentafsir, memahami, dan akhirnya membuat rumusan yang kolektif dan kukuh berdasarkan paparan rentas hasil kerja pelajar.
4. Selanjutnya, subseksyen 4.4.2 dalam MAAP menerangkan bahawa disamping hasil kerja yang dipamerkan, AEP diminta menyediakan semua program studio, brif projek, dan penggredan bagi semua penilaian projek-projek studio rekabentuk/senibina. Staf yang berkenaan mesti hadir untuk menerangkan paparan hasil kerja bagi setiap semester/tahun. Secara keseluruhannya, Panel Lawatan akan memeriksa kandungan bagi setiap tahun pengajian, hubungannya dengan tahun pengajian sebelumnya, dan cara mana ia maju ke tahun pengajian berikutnya. Dalam melaksanakan tugas ini, Panel Lawatan akan memanggil para pelajar apabila dan sekiranya ia diperlukan. Di sini, intipati kepada subseksyen 4.4.2 menjelaskan bahawa tindakan memeriksa hasil kerja pelajar tidak terbatas hanya kepada hasil kerja semata-mata tetapi lebih penting lagi adalah untuk mengukur dan menilai pelaksanaan kurikulum secara keseluruhannya.


5. Di atas penjelasan itu, jumlah sampel hasil kerja pelajar yang dinyatakan dalam subseksyen 4.4.3(ii) dan 4.4.3(iii) dalam MAAP adalah wajar dan sesuai bagi tujuan seperti yang dijelaskan di atas. Jumlah sampel bagi kursus studio Rekabentuk/Senibina yang perlu dipamerkan menurut peruntukan dalam subseksyen 4.4.3(ii) and 4.4.3(iii) diringkaskan seperti berikut:

	Tahun:	SMS Senibina LAM I			Jumlah	S. Senibina LAM II		Jumlah
		Y1	Y2	Y3		Y1	Y2	
Lawatan:	Jalur:	S1/S2	S1/S2	S1/S2		S1/S2	S1/S2	
A) Pertama/Baru	Atas	5	5	5	15	5	5	10
	Tengah	5	5	5	15	5	5	10
	Rendah	5	5	5	15	5	5	10
	Jumlah	15	15	15	45	15	15	30
B) Penyambungan	Atas	3	3	3	9	3	3	6
	Tengah	3	3	3	9	3	3	6
	Rendah	3	3	3	9	3	3	6
	Jumlah	9	9	9	27	9	9	18

6. Berdasarkan kepada Jadual di atas, AEP yang pertama kali memohon Akreditasi perlu menyediakan dan membentangkan sebanyak 45 sampel hasil kerja pelajar kepada Panel Lawatan untuk peringkat LAM Bahagian I dan 30 sampel untuk LAM Bahagian II. Jumlah sampel yang baik adalah sangat penting dalam membantu memudahkan Panel Lawatan membentuk kefahaman dan pendapatnya. Sesuatu yang kurang dari apa yang disyaratkan dalam subseksyen 4.4.3(ii) berkemungkinan akan meletakkan AEP dalam keadaan berisiko untuk tidak memenuhi tanggungjawabnya dalam 'memudahcarakan penilaian yang efektif' ke atas sesebuah program.
7. MAPS ambil maklum cabaran yang dihadapi oleh AEP dalam usahanya untuk memastikan jumlahambilan pelajar yang mencukupi bagi sesebuah program baharu atau program yang masih dalam proses mendapatkan akreditasi. Oleh itu, sebagai langkah jangka pendek, Pekeliling ini memperkenalkan dua (2) penyelesaian untuk dipilih oleh AEP:
- AEP dibenarkan untuk menggunakan saiz sampel yang sama seperti mana yang dikenakan ke atas AEP yang memohon Penyambungan Akreditasi (lihat baris B dalam Jadual di atas) — bermaksud, sejumlah dua puluh tujuh (27) enrolmen pelajar untuk LAM Bahagian I dan lapan belas (18) bagi LAM Bahagian II diperlukan; atau,
 - AEP dibenarkan untuk menyediakan sejumlah tidak kurang dari 3 sampel hasil kerja pelajar bagi setiap kohort/tahun akademik — bermaksud sejumlah sembilan (9) enrolmen pelajar diperlukan untuk LAM Bahagian I dan enam (6) untuk LAM Bahagian II.

8. AEP bertanggungjawab memohon Lawatan Akreditasi dalam waktu yang secepat mungkin iaitu pada ketika dimana kohort pertamanya telah menyelesaikan tempoh pengajian program dengan sepenuhnya. Maka, jumlah minimum enrolmen yang AEP mesti perolehi sebelum memohon Lawatan Akreditasi adalah seperti berikut:
- a. Opsyen 1 -- Wajar
LAM Bahagian I: 15 pelajar/tahun pengajian (jumlah minimum enrolmen 45/program)
LAM Bahagian II: 15 pelajar/tahun pengajian (jumlah minimum enrolmen 30/program)
 - b. Opsyen 2 – Mencukupi
LAM Bahagian I: 9 pelajar/tahun pengajian (jumlah minimum enrolmen 27/program)
LAM Bahagian II: 9 pelajar/tahun pengajian (jumlah minimum enrolmen 18/program)
 - c. Opsyen 3 – Layak
LAM Bahagian I: 3 pelajar/tahun pengajian (jumlah minimum enrolmen 9/program)
LAM Bahagian II: 3 pelajar/tahun pengajian (jumlah minimum enrolmen 6/program)
9. Sebagaimana yang dinyatakan pada klausa 8 dalam Pekeliling ini, AEP boleh memilih salah satu dari tiga opsyen yang dirasakan paling sesuai dengan keadaan yang AEP berkenaan sedang alami:
- a. *Opsyen 1: Wajar* bermaksud ia memberikan kelebihan yang sebaiknya kepada AEP kerana opsyen ini menyediakan sampel hasil kerja pelajar yang kukuh.
 - b. *Opsyen 2: Mencukupi* bermaksud jumlah sampel hasil kerja pelajar adalah memadai bagi tujuan pemeriksaan oleh Panel Lawatan.
 - c. *Opsyen 3: Layak* bermaksud jumlah sampel berada pada tahap paling minimum sehingga sampel ini berkemungkinan tidak berkemampuan untuk membantu Panel Lawatan membentuk kefahaman dan perspektif keseluruhan program berkenaan.
10. Sekiranya berjaya, AEP yang memohon Lawatan Akreditasi menggunakan Opsyen 3 iaitu **layak** hanya boleh dianugerahkan dengan keputusan **Akreditasi Bersyarat**.
11. Di samping kuantiti sampel yang dinyatakan dalam klausa 8, Panel Lawatan mungkin juga memutuskan bahawa keseluruhan bukti hasil kerja yang dipamerkan adalah tidak memuaskan diatas alasan pihak AEP tidak berjaya menyampaikan kualiti keseluruhan yang diharapkan; oleh itu, AEP berkenaan dirasakan telah gagal memberi komitmen untuk 'memudahkan penilaian yang efektif' semasa Lawatan Akreditasi.

12. Sehubungan dengan apa yang telah dinyatakan di atas, AEP diperingatkan bahawa ia mesti terlebih dahulu memastikan perkara berikut:
- a. Kohort yang bakal bergraduat telah melalui program dengan sepenuhnya dari mula tempoh pengajian.
 - b. Semua aktiviti penilaian dan peperiksaan hendaklah telah selesai dan lengkap sebelum Lawatan Akreditasi diadakan.



(Ar. ZURAINA LEILY AWALLUDIN)
Setiausaha Kehormat
Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia

April 2018